



# Berita KUKUM

## KUKUM Mahu Kerjasama Ibu Bapa

Ibu bapa dan waris pelajar diseru supaya sentiasa mengambil berat soal kemajuan pembelajaran anak masing-masing serta masalah yang mereka hadapi ketika berada di universiti, demikian menurut Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM ketika berucap di satu sesi taklimat bersama mereka pada 3 Julai 2005 lalu semasa pendaftaran pelajar-pelajar baru Sidang Akademik 2005/2006 universiti ini.

Sesi taklimat itu yang telah diadakan di Dewan Kolej Kediaman Pelajar KUKUM, Kampung Wai, Kuala Perlis turut dihadiri oleh DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis yang juga Canselor KUKUM, Pegawai-pegawai Utama KUKUM, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan bersama dengan lebih 200 orang ibu bapa dan waris pelajar-pelajar baru.



Prof. Dato' Dr. Kamarudin berkata, sebagai ibu bapa dan waris, mereka harus perihatin kepada perkembangan pembelajaran anak-anak mereka. Tanpa sokongan moral yang padu dan sikap ambil berat ibu bapa dan penjaga, para pelajar akan merasai diri mereka seolah-olah terpinggir. Para pelajar ini pasti akan berasa tertekan dengan situasi semasa dan tidak dihiraukan sedangkan harapan untuk melihat mereka berjaya di dalam pelajaran terlalu tinggi.



Beliau juga turut menegaskan komitmen yang diharapkan bukan bermaksud pihak universiti mahu melepaskan tanggung jawabnya. Proses perkembangan pelajaran dan sahsiah diri pelajar-pelajar ini akan menjadi lebih mantap sekiranya kedua-dua belah pihak iaitu universiti dan ibu bapa serta waris saling bekerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain.

Selain daripada itu ibu bapa dan waris juga diseru supaya sentiasa menghubungi dan melawat pelajar jika berkesempatan. Mereka juga digalakkan menghubungi pensyarah supaya segala perkembangan pelajaran dan sahsiah diri pelajar dapat diperolehi dengan telus dan jujur disamping mengalu-alukan sebarang komen dan cadangan dari mereka untuk kebaikan bersama.